

## Limitasi I'rab dalam Penentuan Makna Ayat: Satu Analisis Linguistik Berkenaan Kekaburan Nahw

Amer Hudhaifah Hamzah<sup>1</sup>, Ahmad Arifin Sapar<sup>2</sup>

<sup>1&2</sup>Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Malaysia  
[amerukun@um.edu.my](mailto:amerukun@um.edu.my), [arifin@um.edu.my](mailto:arifin@um.edu.my)

### Abstrak

Isu sintaksis moden mempunyai beberapa perspektif menarik untuk dikaji menurut kaedah nahw tradisional. Kekaburan struktur yang juga dikenali dalam bahasa Arab sebagai العموض النحوي (*structural ambiguity*) sebenarnya turut terjadi kepada i'rab. Hal ini secara tidak langsung memberi input pandangan yang tepat terhadap fenomena i'rab yang sudah menjadi polemik sejak pertengahan abad ke-20. Berdasarkan teori *Khulashah* Tammam Hassan, kajian ini cuba memahami kekaburan struktur yang terjadi kepada i'rab di samping unsur-unsur bahasa yang lain untuk melihat bagaimana i'rab berfungsi memberi pencerahan makna kepada ayat bahasa Arab. Pengumpulan data dan analisis sumber kajian dibuat berdasarkan korpus yang berwibawa. Hasil penelitian subjek telah mengkategorikan korpus bahasa kepada tiga kategori iaitu: 1) gaya yang tidak memerlukan i'rab kerana struktur yang jelas, 2) gaya yang memerlukan i'rab kerana struktur yang kurang jelas, 3) gaya yang tetap kabur meskipun dengan unsur i'rab. Keputusan kajian menyimpulkan, banyak bait syair dan ayat Arab sebenarnya yang tidak memerlukan i'rab kerana strukturnya yang sudah jelas. Walau bagaimanapun, dalam sebilangan keadaan, i'rab memainkan peranan penting seperti dalam konteks perbezaan makna relatif dan mutlak melalui *وإوا العطف* dan *وإوا المعية* juga perbezaan ayat penyata dengan ekspresif berdasarkan isu *كم الاستفهامية* dan *كم الخبرية/التعجيبة*. Namun, keadaannya berbeza apabila melihat kepada ayat Yunus: 71 yang gagal dimaknai oleh i'rab kerana kedua-dua makna yang saling berbeza mengandungi kekaburan yang dipercayai berpunca daripada struktur. Hal yang sama turut terjadi kepada akusatif *كذا* dan jenis leksem *أَي*. Sehubungan itu, pengkaji merumuskan bahawa i'rab bukanlah unsur utama dalam bahasa Arab. Walau bagaimanapun, ia terbukti berjaya memainkan peranan yang signifikan terhadap makna sebagai salah satu keunikan bahasa yang memiliki unsur warisan yang bernilai.

**Kata kunci:** bahasa Arab, bidang inguistik, kekaburan struktur, fenomena i'rab, sintaksis moden dan ilmu nahw.

### Article History:

Received: 13/06/2022

Accepted: 30/06/2022

Published: 31/07/2022

## PENDAHULUAN

Linguistik merupakan bidang kajian bahasa yang luas mencakupi beberapa ilmu. Secara ringkas, ia dibahagikan berdasarkan tiga elemen bahasa iaitu fonetik dan fonologi yang mengkaji elemen suara serta bunyi, morfologi dan sintaksis yang menekankan aspek struktur binaan bahasa pada tahap perkataan dan juga ayat serta semantik dan pragmatik yang meneliti elemen makna serta kesan luarannya yang dihubungkan berdasarkan kontekstual sesuatu ayat yang terungkap. Bidang-bidang ini meneliti bahasa berserta maknanya secara objektif.

Masih ada beberapa bidang linguistik lain yang meneliti bahasa secara relatif kerana mengambil kira minda sebagai alat pemerolehan bahasa, masyarakat sebagai kelompok yang menggunakan bahasa itu, budaya yang membentuk ciri-ciri bahasa ataupun pemikiran yang menentukan bagaimana bahasa difahami. Namun, semua ini tidak disebutkan kerana apa yang lebih penting ialah tidak semestinya kemunculan linguistik dikaitkan dengan soalan-soalan falsafah yang bertanyakan 'Apakah itu bahasa?' dan 'Bagaimana bahasa manusia wujud?' Tidak semua disiplin linguistik di dunia muncul bagi menjawab soalan-soalan seperti itu. Nahw Arab yang muncul pada pertengahan abad ke-7 masihi misalnya adalah antara disiplin linguistik yang unik kerana kemunculannya berkait rapat dengan kesedaran penjagaan keaslian al-Quran. (Ramadan 'Abd al-Tawwab, 1999: 108-115)

Hal ini tidak bermakna tiada titik pertemuan antara kedua-dua disiplin nahw Arab dan linguistik kerana pada abad ke-10 masihi (bersamaan abad ke-4 hijri), telah muncul seorang ahli linguistik Arab yang terkenal bergelar Ibn Jinni. Ibn Jinni merupakan individu pertama yang menghubungkan disiplin nahw Basrah dengan persoalan-persoalan falsafah. Melalui bukunya yang berjudul *al-Khasa'is (Attributes)*, beliau membincangkan bahasa (لغة) daripada segi yang tidak pernah dibincangkan oleh sesiapa sebelumnya. Kemunculan Ibn Jinni termasuk beberapa nama agung lain seperti Ibn Faris dan al-Tha'alibi dalam ranah linguistik Arab yang menyentuh aspek-aspek baharu dan segar menandakan peradaban Islam telah sampai pada peringkat tertinggi bawah naungan kekuasaan Islam Asia Barat. Ia juga menjadikan isu bahasa Arab lebih luas dari ruang lingkupnya yang asal. Pada awalnya, ilmu nahw hanya berorientasikan isu-isu tatabahasa dalam al-Quran. Namun, setelah kemunculan tokoh-tokoh yang dinyatakan, ia akhirnya turut membincangkan aspek dialek dan variasi lapisan penggunaan.

Walau bagaimanapun, masih ada beberapa segi perbezaan antara ilmu nahw tradisional dengan sintaksis moden hingga menyebabkan usaha mengaitkan antara kedua-dua paradigma jarang menemui kejayaan. Budaya pengarang utama dalam bidang nahw tradisional yang turut melibatkan segelintir ulama Melayu pada pinggir abad ke-19 telah menunjukkan bidang linguistik Arab masih jauh untuk dihubungkan sekiranya karya-karya ini dipelajari daripada perspektif filologi semata-mata. Pengkaji tidak memaksudkan karya-karya Melayu tradisional ini secara spesifik kerana hal yang sama boleh berlaku kepada tulisan-tulisan lain termasuklah karangan Ibn Jinni sendiri meskipun mempunyai kelebihan dari segi kandungan dan keluasan skop perbincangan. Kelemahan di bidang penelitian tidak semestinya bertitik tolak daripada apa yang dibahaskan tetapi bagaimana ia dimaknai oleh kita sebagai pengkaji zaman moden. Sehubungan itu, kajian bermaksud meneroka beberapa perspektif baharu yang mungkin

terkandung dalam nahw Arab tradisional khususnya mengenai i'rab (suatu fenomena unik bahasa Arab yang kontroversial).

### Keistimewaan sintaksis moden

Tidak terdapat unsur perbandingan kelebihan antara kedua-dua dimensi; sintaksis moden dan nahw Arab. Bahasa Arab selayaknya dianggap salah satu bahasa besar yang dipertuturkan oleh masyarakat dunia selain dilihat sebagai bahasa yang menyimpan nilai-nilai warisan yang unik. Di sini perlu dinyatakan secara tegas, menjadi satu kekeliruan dan falasi sesiapa sahaja yang berusaha menghujahkan kelebihan satu perspektif atas perspektif yang lain kerana hal ini boleh membuahkan hasil yang tidak baik terhadap suasana kajian bahasa Arab itu sendiri. Sejarah membuktikan pandangan sempit, akhirnya, mengakibatkan terbit dakwaan pemalsuan i'rab dan menuduh ulama nahw, bermula Sibawayh, sebagai kelompok yang bertanggungjawab menciptanya. Sesiapa saja yang membaca padangan Ibrahim Anis mengenai i'rab melalui monografinya yang bertajuk *من أسرار اللغة* (1966: 183-258) dan Zakariyya Uzun melalui *جناية سيوييه* (2002) akan merasa betapa besar implikasi perbandingan cetek ini terhadap akademia Arab, lebih-lebih lagi apabila dinyatakan oleh seseorang seperti Ibrahim Anis.

Sintaksis merupakan satu daripada dua komponen utama tatabahasa yang membahaskan ayat (*sentence*) yang terhasil daripada ikatan perkataan berbentuk sempurna. Komponen satu lagi dikenali sebagai morfologi yang memfokuskan binaan unit-unit perkataan (*word*) sama ada menerusi proses inflaksi (*تصريف*) mahupun derivasi (*اشتقاق*). Hakikatnya, pembahagian ini mempunyai masalah tersendiri akibat daripada ciri-ciri saling melengkapi antara bidang sintaksis dengan morfologi, khususnya proses inflaksi. Sehubungan itu, rujukan nahw tradisional yang berwibawa seperti *al-Kitab* oleh Sibawayh (gen. 4) dan *al-Muqtadab* karya al-Mubarrid (gen. 7) tidak memisahkan antara kedua-dua bidang. Meskipun pada peringkat Ibn Jinni (gen. 9), kedua-dua bidang sarf dan nahw telah diasingkan perbahasannya. Namun, beliau sendiri mengakui keterikatan antara kedua-dua bidang tersebut. Menurut Ibn Jinni (*al-Munsif* 1954: 4-5):

يدلك على ذلك أنك لا تكاد تجد كتابا في النحو إلا والتصريف في آخره ... فالتصريف إنما هو لمعرفة أنفس الكلم الثابتة، والنحو إنما هو لمعرفة أحواله المتنقلة ... وإذا كان ذلك كذلك فقد كان من الواجب على من أراد معرفة النحو أن يبدأ بمعرفة التصريف لأن معرفة ذات الشيء الثابتة ينبغي أن يكون أصلا لمعرفة حاله المتنقلة إلا أن هذا الضرب من العلم لما كان عويصا صعبا بدئ قبله بمعرفة النحو ثم جيء به بعد ليكون الارتياض في النحو موطنًا للدخول فيه ومعينا على معرفة أغراضه ومعانيه وعلى تصرف الحال ...

Kekaburan sempadan antara sintaksis dan morfologi tidak khusus kepada linguistik Arab sahaja kerana John Lyons melalui monografinya *Language and Linguistics* (1981: 118) menjelaskan perkara yang sama berlaku di dalam linguistik moden. Ujar Lyons:

*It will be recalled that in post-Bloomfieldian linguistics grammar was divided into morphology and syntax. Morphology dealt with the internal structure of word-forms; syntax dealt with the distribution of word-forms throughout the well-formed sentences of a language. But post-Bloomfieldian morphology was itself a kind of syntactic morphology. It applied the same principles to the grammatical analysis of word-forms as it did to the syntactic analysis of such larger units as phrases and sentences. Indeed, post-Bloomfieldian linguists, in principle, if not always consistently in practice, eventually came to abandon the distinction between morphology and syntax, with a consequential broadening of the definition of 'syntax'. Syntax became the study of the distribution of morphemes (rather than of word-form); and word-form were recognized, not as purely syntactic units, but as units that could serve (with the appropriate prosodic contour) as minimal utterances and, in certain languages, as the domain of certain suprasegmental phonological features. This is, in essence, the point of view adopted, as part of its post-Bloomfieldian inheritance, by Chomskyan generative grammar.*

Sehubungan itu, sukar bagi kita meletakkan garis pemisah antara kedua-dua bidang semasa melakukan proses analisis. Walaupun kondisi ini mungkin tidak begitu penting dalam artikel tetapi kenyataan bertindak sebagai dasar pandangan tekal yang akan dipegang oleh pengkaji, jikapun tidak dalam masa terdekat.

Antara kelebihan sintaksis moden ialah menonjolkan perbezaan antara kaedah deskriptif dan preskriptif. Pada awalnya, kedua-dua pendekatan tidak berbeza kerana preskriptif juga adalah salah satu bentuk deskriptif dalam rentang waktu tertentu. Hal ini dapat dilihat daripada penyelidikan tatabahasa Yunani dan Latin oleh linguist silam di Eropah dan tatabahasa Arab oleh para ulama nahw tradisional. Namun begitu, menurut Nik Safiah Karim (1985: 109), perubahan terjadi dengan idea yang dibawa oleh Ferdinand de Saussure melalui kompilasi syarahannya yang berjudul *Course in General Linguistics*. Dengan pengaruh yang dicetuskan oleh Saussure seperti yang digambarkan dalam jadual 1, abad ke-20 menyaksikan anjakan paradigma dalam kajian bahasa daripada pendekatan diakronik, yang menekankan aspek sejarah dan perkembangannya secara kolektif, kepada metode sinkronik yang akhirnya menyebabkan pengasingan antara *langue* dan *parole*.

**Jadual 1.1: Pengaruh Saussure terhadap kajian linguistik moden**

Pengaruh/perkembangan secara langsung	Pengaruh/perkembangan moderat
J.R. Firth & Mazhab London	L. Bloomfield
Peringkat awal mazhab Prague (N.S. Trubetskoy, R. Jakobson J. Vachek)	E. Sapir

Mazhab Geneva (C. Bally A. Sechehaye, H. Frei)	O. Jespersen
Mazhab Copenhagen (L. Hjelmslev-glossematics)	L. Tesniere
-	Mazhab Moskow

Sumber: Nik Safiah Karim 1985 (Adaptasi)

Pandangan yang dipelopori Saussure bagi pengkaji tidak menyetujui kepentingan tatabahasa walaupun penekanan kepada bahasa lisan lebih dihargai majoriti penutur hari ini. Namun kedua-duanya, tidak dapat tidak, pasti terbina atas sistem yang tekal (bersifat isomorfik) kerana bertolak dari punca yang sama. Kenyataan ini mungkin kurang dipersetujui oleh linguist moden kerana dilihat masih terikat dengan konsep diakronik bahasa, tetapi faktanya tidak boleh disangkal sama sekali kerana keterikatan manusia dan bahasa dengan sejarah yang tidak dapat dipisahkan. (John Lyons 1981: 12-13) Sehubungan itu, Tammam Hassan (2009) sewaktu menyelidik hubungan i'rab dengan variasi dialek dalam riwayat lisan bahasa Arab, beliau menetapkan perhatian khusus terhadap dua prinsip yang dianggap sebagai asas komunikasi bangsa Arab silam iaitu; طلب الخفة في المبنى وأمن اللبس في المعنى. Menurut beliau, hasil daripada penerapan kedua-dua prinsip akan menatijahkan الطرد yang menjadi medan perbahasan nahw tradisional. Justeru atas keyakinan ini, kajian bertujuan meneliti aspek kegramatisan Arab sebagai sebuah bahasa berdasarkan pembentangan kaedah yang dipegang ulama nahw silam.

### **Kegramatisan bahasa Arab**

Kegramatisan bahasa (*grammatical of language*) merupakan sisi yang dianggap penting dalam kajian linguistik moden. Tanpa merujuk kepada tatabahasa transformasi generatif yang diperkenalkan oleh Noam Chomsky pada 1957, kajian ingin menegaskan bahawa kegramatisan bahasa sememangnya suatu perkara yang tidak ditekankan secara khusus dalam nahw tradisional kerana persoalan-persoalannya lebih menitikberatkan aspek 'Bagaimana bangsa Arab asli (era penghujahan) bertutur?' dan bukannya 'Bagaimana seharusnya seseorang bertutur bahasa Arab?' Terdapat perbezaan yang ketara antara kedua-dua soalan tersebut kerana seseorang mungkin bertutur secara tidak gramatis (menyalahi kaedah i'rab bahasa Arab), tetapi mereka mampu menyampaikan makna dengan baik. Keadaan ini sangat jelas hari ini, apabila bahasa yang dipertuturkan di kebanyakan negara Arab adalah bahasa pasar (اللغة العامية) yang tidak mementingkan aspek i'rab dalam keadaan komunikasi harian masih boleh berjalan secara normal.

Benar, hakikat inilah yang telah mengundang kenyataan negatif sesetengah pihak terhadap fenomena i'rab. Namun, mendakwa i'rab hanya bahasa pengkaryaan, bukan bahasa pertuturan seperti yang dilakukan oleh Ibrahim Anis bukanlah tindakan yang tepat kerana boleh mengundang salah faham. Sebagai contoh kenyataan beliau (1966: 183):

مهما تباينت الآراء في نشأة هذا الإعراب، فقد أصبحت قواعده حقيقة ملموسة منذ ألف سيويه كتابه ... ومع أن الإعراب ليس في حقيقته إلا ناحية متواضعة من نواحي اللغة، فقد ملك على الناس شعورهم وعدوه مظهر ثقافتهم ومهارتهم الكلامية، يتنافسون في إتقانه، ويخضعون أقوال الأدباء لميزانه ... وهكذا أصبح هؤلاء النحاة رقباء على كل إنتاج أدبي يتسقطون فيه الهفوات حين يبدل الأديب فيه حركة مكان حركة، ثم لا يكادون يعبأون بحسن نسج الكلام أو بما اشتمل عليه من معان سامية وصور رائعة.

Pengkaji tidak berniat membahaskan isu perubahan norma kritikan sastera Arab akibat kemunculan ulama nahw seperti Ibn Abi Ishaq (w. 735M) yang sedikit sebanyak menyebabkan kesan kontroversi terhadap perkembangan sastera tetapi jelas bahawa kenyataan seperti ini berbaur sikap simplistik yang diungkap oleh sesetengah orientalis seperti Johann Gottfried Wetzstein (1815-1905) dan Karl Vollers (1857-1909) sebelum beliau (Ramadan 'Abd al-Tawwab 1999: 377-382). Jika diteliti hasil penyelidikan ciri-ciri bahasa semitik, fenomena i'rab dianggap salah satu keunikan warisan berharga bangsa itu. Citranya masih tinggal dalam beberapa rumpun bahasa tersebut contohnya Akkadian, Assyrian, dan Hebrew (Sami 'Iwad 2010: 12; Johann Fuck 1980: 15). Namun begitu harus diakui, ia tidak mencapai kesempurnaan seperti yang dicapai dalam karya-karya Arab pada zaman Jahiliah dan al-Quran semasa Rasulullah SAW menjalankan misi dakwah baginda di kota Mekah.

Tempoh 3 abad antara 150 tahun sebelum dan selepas hijrah (622M) adalah peringkat bahasa Arab fusha yang bercirikan i'rab mencapai kematangan, setidaknya-tidaknya dalam kabilah Arab yang jauh daripada pertembungan budaya seperti di wilayah Mesir, Syam, Iraq, Bahrain, Yaman, dan lain-lain. (al-Farabi 1990: 147; al-Suyuti 2006: 47-48) Kenyataan ini perlu diperteguh sebelum kita menangani isu kegramatisan bahasa Arab kerana korpus bahasa yang terkandung dalam karya nahw tradisional umumnya adalah daripada jenis ini. Permasalahan sintaksis moden yang dipinjam tidak lain hanyalah untuk menyingkap suatu aspek yang masih lompong dalam perbahasan nahw tradisional iaitu aspek kekaburan struktur (*structural ambiguity*) yang akan dibincangkan. Aspek kekaburan struktur sebenarnya masih sangat kurang diperhatikan lantas mendorong penelitian pengkaji sebagai subjek perbincangan artikel kali ini.

## TEORI DAN ISU

Gagasan teori *Khulasah* Tammam Hassan (2009: 34-36) memperlihatkan kedua-dua perspektif; *grammatical* dan *structural ambiguity* boleh dikaji berdasarkan pengaruh i'rab (القربنة الصوتية) terhadap bahasa Arab. Hal ini membuktikan i'rab lebih signifikan berbanding apa yang disangkakan oleh Ibrahim Anis mahupun mana-mana orientalis yang mempengaruhi beliau. Dengan kata lain, i'rab sebenarnya berperanan penting dalam memberi keluasan dan kepelbagaian gaya bahasa Arab sehingga boleh disusun dalam bentuk nazam serta ritma yang ketat. Walau bagaimanapun, hal ini tidak bermakna keluasan serta variasi tersebut tiada sempadannya. Lantaran itu, datang

peranan *darurah shi'riyyah* berdasarkan kaedah “يجوز في الشعر ما لا يجوز في الكلام” yang ditegaskan oleh Sibawayh dalam *al-Kitab*. (1988 Jil. 1: 26-32) Perkara ini sebenarnya dimaklumi, termasuklah oleh ramai pengkritik sastera Arab tradisional seperti Abu Sa'id al-Sayrafi (1985: 33) dan Hazim al-Qartajanni (2008: 127). Dengan itu, jelaslah kekeliruan Ibrahim Anis (1966: 325) yang menyifatkan pertembungan antara Ibn Abi Ishaq dan al-Farazdaq, contohnya, sebagai tindakan yang tidak membezakan bahasa harian dengan bahasa puitis, kerana konflik di antara mereka tidak semudah apa yang disangkakan.

Korpus bahasa berbentuk puisi (شواهد الشعر) sememangnya dianggap mempunyai tahap kebolehpercayaan tinggi dalam sejarah nahw tradisional. Bahkan kedudukannya adalah pada tempat kedua selepas al-Quran. Walau bagaimanapun, i'rab mempunyai peranan yang cukup signifikan dalam kedua-dua korpus terutamanya pada permulaan pengaruh nahw Arab sehingga menjadi alasan yang kuat bagi sesetengah pujangga dikritik keras karya mereka. Lebih-lebih lagi, Ibn Mujahid (w. 936M) sendiri, yang merupakan imam qiraat terkenal, telah mengkritik qiraat ganjil (القراءات الشاذة) dengan dakwaan خطأ وهم, غلط dan الحن akibat menyalahi sistem i'rab. (lihat *Kitab al-Sab'ah* t.th.) Apabila para linguist Arab mutakhir seperti Ibn Malik lebih menghargai riwayat-riwayat terpencil, begitu juga hadis Nabi SAW, atas banyak sebab pada abad ke-7 hijrah (bersamaan 13 masihi), sudut pandang mereka telah beralih kepada penerimaan puisi-puisi, termasuk yang diklasifikasikan sebagai *majhūl al-qā'il* (tidak diketahui pengarang). Prinsip inilah yang menjadi pegangan ulama nahw Melayu dalam menilai bukti-bukti puisi kemudiannya.

Namun, ini tidak menunjukkan pengkaji memilih korpus-korpus tertentu untuk disorot permasalahannya. Memang tidak dinafikan kedua-dua jenis korpus; puisi dan kitab suci mengandungi ujaran yang sangat luas ruang lingkupnya dari segi sintaksis, sehingga kajian terpaksa memfokuskan aspek i'rab dalam skop yang dihadkan oleh Tammam Hassan menerusi buku الخلاصة النحوية (2009: 34-36). Menurut beliau, i'rab hanyalah salah satu daripada tiga unsur penting yang membantu menyampaikan makna dalam penggunaan bahasa Arab seharian. Sehubungan itu, dialek basahan (bahasa pasar) yang banyak digunakan di negara-negara Arab pada hari ini masih boleh difahami kerana masih ada unsur lain yang menunjukkan maksud penutur. Berdasarkan kerangka teori beliau yang digarap oleh pengkaji pada tahun 2018, i'rab boleh difahami sebagai suatu isyarat lisan (berasaskan suara) bagi menentukan makna tertentu yang dikehendaki oleh penutur. Meskipun beliau menafikan aspek susunan/bentuk sebagai sebahagian daripada sistem i'rab seperti yang dicadangkan oleh para linguist moden, namun beliau menyetujui ulama silam mengenai i'rab yang tidak boleh digambarkan sebagai varian tanda berupa bunyi yang terzahir daripada lisan penutur semata-mata.

Pandangan yang menyanggah mazhab *al-zahiri* dalam bidang nahw ini bahkan menggambarkan i'rab sebagai suatu sistem aturan yang kompleks mencakupi seluruh binaan ayat pada tahapan tertentu bahasa Arab (الإفادة), selagi ia menerima kesan i'rab (المعمول) ataupun menyebabkan kesan tersebut (العامل). Hal ini juga menerangkan kepada kita alasan beliau tidak menyentuh sama sekali berkenaan ayat-ayat yang tidak

menempati posisi i'rab (جمل لا محل لها من الإعراب). Sama halnya dengan sesetengah morfem (iaitu harf) yang tidak berkaitan dengan sistem tersebut, komponen-komponen ini sebenarnya masih menunaikan maksud tertentu yang menyebabkan pengkaji tidak boleh mengabaikannya sewaktu menjalankan proses analisis serta sorotan isu daripada korpus bahasa yang autentik dan luas sempadannya.

Analisis dilaksanakan menerusi beberapa peringkat iaitu pengumpulan data, penyusunan dan klasifikasi seterusnya ke peringkat terpenting iaitu analisis serta interpretasi sintaktik. Maksud 'interpretasi sintaktik' adalah penjelasan yang menekankan aspek binaan bahasa termasuklah struktur ayat dan perkataan demi melihat pengaruh i'rab secara sederhana dalam beberapa situasi yang telah ditetapkan. Proses klasifikasi terhadap data besar yang diungkapkan ulama nahw silam berdasarkan tiga kondisi berikut merupakan tahap kedua penting yang akan membawa kita kepada pandangan sebenar tentang sistem i'rab serta fungsinya dalam bahasa Arab. Kondisi-kondisi tersebut ialah:

i) Gaya yang tidak memerlukan i'rab kerana struktur yang jelas

Hal ini kerana menurut Tammam Hassan (2009: 22-23), bahasa Arab tidak hanya mempunyai elemen i'rab malahan masih ada beberapa elemen lain iaitu البنية (*structure*) dan السياق (*context*). Kedua-dua elemen ini turut berperanan dalam menerangkan makna ayat dan menyebabkan dialek basahan (bahasa pasar) masih boleh difahami meskipun fungsi i'rab tidak ditekankan dalam pertuturan.

Suatu hal yang penting perlu dijelaskan adalah kerangka teori yang dibina oleh Tammam Hassan memang tidak melihat ciri-ciri prosodi seperti tekanan (*stress*) dan intonasi sebagai isyarat suara yang boleh menentukan maksud bahasa atau sekurang-kurangnya memberi nilai lenggok yang asli dalam pertuturan Arab. Walaupun telah dibuktikan ia benar-benar wujud dalam kebanyakan qiraat termasuklah riwayat *Hafs 'an 'Asim* yang dibaca oleh majoriti umat Islam, namun ia tidak dibincangkan secara komprehensif oleh ulama tradisional. (Lihat 'Abd al-Qadir Fittah, 2018) Sehubungan itu, istilah القرينة الصوتية yang diguna pakai oleh Tammam Hassan tidak meliputi subjek penelitian sintaksis moden ini, malah hanya menekankan i'rab semata-mata sebagai satu-satunya isyarat yang bersumberkan suara.

ii) Gaya yang memerlukan i'rab kerana struktur yang kurang jelas

Besar kemungkinan keadaan ini terjadi akibat kebanyakan bait puisi tidak diriwayatkan secara pukal bersama dengan bait-baitnya yang lain tetapi ia dipetik berdasarkan keperluan sahaja. Lantaran itu, ada beberapa bait yang tidak difahami konteksnya sekaligus memerlukan i'rab apabila struktur (البنية) tidak mampu menjelaskan ertinya yang sebenar. Sama juga sekiranya ayat al-Quran dipetik tanpa dirujuk ayat-ayat yang lain. Sebagai contoh, sepotong ayat yang berbunyi (أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ) [al-Tawbah: 3], jika tidak kerana i'rab (القرينة الصوتية) berfungsi menentukan makna frasa ورسوله, besar kemungkinan ramai yang akan memahami ayat ini secara songsang.



Kesalahfahaman terhadap ayat ini malah pernah benar-benar terjadi sepertimana yang diriwayatkan oleh Ibn al-Anbari dalam kitab *Nuzhat al-Alibba'* (1985: 19-20) sewaktu Umar ibn al-Khattab RA menyandang jawatan khalifah sehingga beliau terpaksa melaksanakan serta merta polisi ketat yang mensyaratkan golongan *qurrā'* (guru al-Quran) serta *mu'adhhdhin* (tukang azan) di wilayah Islam mesti agar mahir tatabahasa Arab. Usaha ini tidak lain adalah untuk menghapuskan risiko pengajaran yang salah sehingga boleh mengakibatkan tersebarnya اللحن الجلي (kesalahan bacaan yang ketara). Walaupun Umar RA tidak mengusulkan inisiatif pengajian tatabahasa Arab, tetapi tiada sesiapa boleh menyangkal usahanya untuk menangani kerosakan lidah Arab dalam skala yang luas.

iii) Gaya bahasa yang tetap kabur meskipun mengandungi unsur i'rab


Situasi inilah yang dinamakan sebagai *structural ambiguity*. Ia kurang difokuskan sebagai topik yang bebas dalam bahasa Arab. Aspek ini sering menimbulkan pertikaian dalam kalangan ulama nahw silam, tetapi jarang dibahaskan sebagai isu tertutup (mempunyai bukti konkrit). Mungkin kasus yang telah dijelaskan oleh pengkaji iaitu sesebuah karya selalu dipetik atau diriwayatkan tanpa dibayangi konteksnya yang tekal telah menyebabkan aspek ini terus-menerus diperdebatkan sebagai isu terbuka untuk dikritik.

Pengkaji tidak bermaksud menyanggah kumpulan ini, sebagai contoh, yang berlaku pada ayat (فَاعْزِسُوا نُجُوهَكُمْ وَأَيْدِيَكُمْ إِلَى الْمَرَافِقِ) [al-Ma'idah: 6] kerana ia lebih tepat dibincangkan dalam bidang semantik kerana perbezaan pandangan pada makna morfem إلى dan bukannya pada struktur ayat. Jika ingin disentuh, ia seharusnya dibahas bawah tajuk *lexical ambiguity* dan bukannya *structural ambiguity*. Sama juga khilaf pada bait بِهَا صَحِيحًا فِيهَا مُؤْتُوًّا dalam mu'allaqah Imr' al-Qays atau mu'allaqah Tarafah walaupun melibatkan perbezaan i'rab pada bentuk fleksi مُؤْتُوًّا sama ada dii'rabkan sebagai hal atau maf'ul mutlaq (tidak seperti إِلَى الْمَرَافِقِ yang tidak memberi sebarang implikasi i'rab). Namun, isunya tetap berlaku disebabkan perbezaan erti kerana ada yang menganggap perkataan tersebut adalah kata jamak (*plural*) bagi وَقِفْ وَقِفْ وَقِفْ sementara ada yang menganggapnya kata dasar bagi kata kerja وَقِفْ يَقِفُ. Pertikaian ini dari segi luaran memang memperlihatkan perbezaan maksud antara hal dan maf'ul mutlaq, namun jika diselami lebih dalam, maka ia akan kembali kepada makna ijmal (umum) yang sama. Tiada perbezaan ketara.

Keadaan ini sangat berbeza daripada apa yang didapati pada bait 'Amr ibn Kulthum umpamanya. Ungkapan سَخِينَا pada bait:

مُسْتَعِشَّةٌ كَأَنَّ الْحِصْنَ فِيهَا إِذَا مَا الْمَاءُ خَالَطَهَا سَخِينَا

meskipun kelihatan seperti satu perkataan (sifah mushabbahah bagi perkataan سَخْنٌ bermaksud “yang hangat”), tetapi hakikatnya ia terdiri daripada dua morfem, iaitu سَخِيٌّ yang bermaksud “menjadi pemurah/tidak berkira” dan نًا yang merupakan kata ganti nama jamak bagi penutur (ضمير المتكلم). Satu lagi perkataan yang tersimpan di dalam benak penutur sewaktu mengungkapkannya dikenali sebagai *kalimah muqaddarah*. Ibn al-Nahhas (Jil. 2: 616) berkata: وقد حكى أهل اللغة أنه يقال سَخِيٌّ يسَخِي سَخَاءً كما يقال عَلِيٌّ يغلى غلاءً. Ibn al-Anbari pula meriwayatkan daripada Abu ‘Amr ibn al-‘Ala’ (t.th.: 372): معناه إذا خالطها الماء وشربناها كنا أسخياء، أي ازداد سخاؤنا على ما كان عليه قبل شربناها. Bukankah demikian itu satu kekaburan sintaktik yang serius yang benar-benar mengubah makna ayat antara “arak yang bercampur air hangat” dengan “arak yang bercampur air boleh membuatkan seseorang hilang kawalan diri lantas mengeluarkan harta lebih daripada kebiasaan”? Kekaburan ini masih tetap terjadi walaupun terdapat unsur i’rab (القربنة) yang berfungsi menerangkan makna ayat.



**Rajah 2.1:** Konseptual kegramatisan Arab berdasarkan fungsi i’rab

## PERMASALAHAN DAN METODOLOGI KAJIAN

Bagi menyimpulkan dan mengatakan secara eksplisit isu yang sedang ditangani, maka akan diulangi sebutan beberapa *point* berikut agar menjadi panduan kepada pembaca:

1. Kajian ingin melihat fenomena i’rab sebagai satu ciri-ciri bahasa yang benar-benar pernah digunakan selama 3 abad kira-kira antara 472-772M. Justeru bagi tujuan itu, falsafahnya dalam benak masyarakat Arab harus difahami kemudian dibandingkan dengan senario sebenar yang terjadi. I’rab bagi masyarakat Arab bertujuan melengkapkan makna ayat supaya tidak timbul lagi keraguan. Namun secara realiti, i’rab mempunyai limitasinya yang tersendiri hingga menyebabkan terjadi kekaburan struktur. Justeru, kita memahami i’rab juga salah satu sifat manusia yang ada kelemahan.

2. Perspektif sintaksis digunakan dalam artikel ini kerana tatabahasa kurang menekankan soal deskriptif bahasa. Paradigma kedua-dua bidang harus diselarikan

dengan baik untuk menyelesaikan masalah yang sudah agak lama berlanjutan semenjak era Ibrahim Anis (khusus mengenai i'rab kerana jika ditelusuri lebih mendalam, ia sudah bermula lebih awal lagi sejak Taha Hussayn mempersoalkan keaslian syair zaman Jahiliah).

3. Korpus bahasa yang mewakili pertuturan masyarakat Arab zaman penghujahan dalam penyelidikan ini ialah ayat-ayat suci al-Quran, syair Arab, dan lain-lain sumber riwayat yang lebih longgar. Pengkaji tidak menetapkan tempoh 3 abad itu sebagai sampel kerana paradigma linguistik bukan bermaksud menilai keunggulan bahasa al-Quran seperti motivasi ahli nahw silam, malah ingin melihat i'rab sebagai salah satu atribut bahasa manusia.

4. Teori *Khulash* Tamam (2009) dianggap penting kerana melihat unsur i'rab dari kerangka pandangan yang moderat dengan tidak menafikan unsur-unsur bahasa yang lain. Sehubungan itu, teori ini telah digunakan dalam penyelidikan seperti yang sudah diterangkan.

5. Analisis linguistik akan melalui beberapa tahap; a) pengumpulan data, b) penyusunan dan klasifikasi data, c) interpretasi sintaktik yang menjelaskan segi binaan bahasa termasuk struktur perkataan dan juga ayat. Klasifikasi data menatijahkan jenis-jenis korpus seperti berikut: i) Tidak memerlukan i'rab kerana struktur yang jelas, ii) Memerlukan i'rab kerana struktur yang kurang jelas makna, dan iii) Masih kabur meskipun menerima pengaruh i'rab.

## HASIL KAJIAN

Berpandukan ketiga-tiga kategori yang ditetapkan, i'rab dalam korpus bahasa Arab sememangnya mempunyai fungsi sintaksis yang tersendiri iaitu membantu penyampaian makna yang berkesan kepada pendengar. Berdasarkan kefahaman tradisional, perbincangan i'rab turut melibatkan isu susunan perkataan dan munasabah antara unit bahasa serta ikatannya dalam bentuk sempurna. Namun, teori Tamam Hassan (2009) memisahkan ketiga-tiga perkara di atas daripada i'rab dengan mengkhususkan i'rab sebagai lambang makna yang berteraskan suara. Susunan, kolokasi, dan ikatan pula diletakkan bawah tajuk القرينة اللفظية yang menghuraikan aspek penggabungan (حيث تضاف), kesesuaian (مناسبة), ikatan (ربط) dan urutan (رتبة).

Pada batas tertentu, pandangan yang kedua ini wajar diberi keutamaan apabila kita sedang menguji fungsi i'rab. Bukan kerana tersebarnya dialek pasar pada hari ini yang membuktikan i'rab boleh dikesampingkan, tetapi kerana i'rab wajar mengambil posisinya yang sebenar dalam pembinaan ayat bahasa Arab.

Isu pembahagian ini sebenarnya sudah disedari oleh Ibn Jinni (2006: 697-699) tatkala beliau membahagikan makna nahw (المعنى النحوي) kepada tiga; *al-lafziyyah*, *al-sina'iyyah*, dan *al-ma'nawiyah* yang mengisyaratkan wujud kepelbagaian unsur *dalalah* dalam satu ujaran. Ini menunjukkan kegramatisan Arab tidak berpaut kepada kaedah-kaedah i'rab sahaja kerana sebahagian bab yang dibincangkan itu lebih layak diletakkan bawah tajuk أثر ظاهر أو مقدر البنية sesuai dengan definisi i'rab yang disebut

الميراد بالأثر الحركة والحرف والسكون والحذف، وبالقدر ما كان في المقصور ونحوه مما سيأتي. وقولنا يجلب العامل احتراز من حركة الإتياع نحو الحمد الله. ومن حركة البناء وسائر الحركات. Seperti yang dapat ditanggapi melalui penerangan al-Suyuti, gambaran i'rab yang dijelaskan oleh Tammam Hassan memperlihatkan keselarian total hingga boleh dianggap beliau membina teorinya berdasarkan definisi yang dipersetujui oleh majoriti ini antaranya Ibn Kharuf, al-Shalawbin, Ibn Malik, Ibn al-Hajib, dan ramai dalam kalangan linguist terkemudian.

### Bah. I

Bahasa Arab merupakan salah satu bahasa yang mementingkan variasi gaya dan fungsi sintaktik yang signifikan. Hal ini sama sahaja dengan sesetengah bahasa tamadun kuno antaranya bahasa Latin dan Yunani. Tidak seperti bahasa Inggeris yang boleh dibina dengan dua gaya:

(1) *This morning he got up late*

dan

(2) *He got up late this morning,*

Ciri-ciri i'rab membolehkan bahasa Arab dibina dalam bentuk yang lebih pelbagai dan kompleks serta masih kekal makna denotatifnya dalam masa yang sama seperti yang dapat dilihat pada jadual di bawah.

**Jadual 1: Model minimum susunan kata bahasa Arab gramatis**

No.	Variasi	Komponen	Jenis Ayat
1.	إِسْتَيْقَظَ عَلَيَّ مُتَأَخِّرًا هَذَا الصَّبَاحَ	فعل ماض + فاعل + حال + ظرف	فعلية
2.	إِسْتَيْقَظَ مُتَأَخِّرًا عَلَيَّ هَذَا الصَّبَاحَ	فعل ماض + حال + فاعل + ظرف	فعلية
3.	عَلَيَّ اسْتَيْقَظَ مُتَأَخِّرًا هَذَا الصَّبَاحَ	مبتدأ + فعل ماض (خبر) + حال + ظرف	اسمية
4.	عَلَيَّ هَذَا الصَّبَاحَ اسْتَيْقَظَ مُتَأَخِّرًا	مبتدأ + ظرف + فعل ماض (خبر) + حال	اسمية
5.	هَذَا الصَّبَاحَ اسْتَيْقَظَ عَلَيَّ مُتَأَخِّرًا	ظرف + فعل ماض + فاعل + حال	فعلية
6.	مُتَأَخِّرًا اسْتَيْقَظَ عَلَيَّ هَذَا الصَّبَاحَ	حال + فعل ماض + فاعل + ظرف	فعلية
7.	مُتَأَخِّرًا هَذَا الصَّبَاحَ اسْتَيْقَظَ عَلَيَّ	حال + ظرف + فعل ماض + فاعل	فعلية

Akan tetapi, menjadi satu kekeliruan jika dianggap hanya i'rab yang mempengaruhi keadaan ini kerana pada kadar tertentu, susunan perkataan berdasarkan persefahaman

kolektif bangsa penutur itu sendiri turut memberikan keluasan seperti yang dapat dilihat pada ayat (1) dan (2) bahasa Inggeris, dan ayat (3), (4), dan (5) loghat pasar Jordan (dialek Syam).

(3) علي بيصحو متأخر هاذ الصباح (3)

(4) هاذ الصباح يصحو علي متأخر (4)

(5) متأخر علي بيصحو هاذ الصباح (5)

Daripada model susunan terhad (jika dibandingkan dengan variasi bahasa yang mengandungi unsur i'rab), cerapan terhadap korpus-korpus Arab yang berwibawa seperti syair dan al-Quran memperlihatkan contoh-contoh berikut:

(6) إِذَا عَاشَ الْفَتَى مِثَّتَيْنِ عَامًا :: فَقَدْ ذَهَبَ الْمَسْرَّةُ وَالْعَنَاءُ (6)

(7) وَمَا أَذْرِي وَسَوْفَ إِحْالُ أَذْرِي :: أَقَوْمٌ آلُ حِصْنٍ أُمُّ نِسَاءِ (7)

(8) عَسَى الْكَرْبُ الَّذِي أُمْسَيْتُ فِيهِ :: يَكُونُ وَرَاءَهُ فَرْجٌ قَرِيبٌ (8)

(9) وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ (9)

(10) سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنَ آيَاتِنَا (10)

yang boleh dianggap jelas walaupun tanpa kehadiran i'rab. Sehubungan itu, i'rab dalam konteks ayat (6) hingga (10) hanya elemen penyempurnaan gramatis yang mengandungi isyarat modus aturan ayat dalam ujaran Arab. Dengan kata lain, seorang penutur jati Arab, di samping pengetahuan leksikal mereka, apabila mendengar suatu kata nama dibarisdepankan (*dammah*) akan segera memahami bahawa perkataan tersebut merupakan *musnad* atau *musnad ilayh* yang membentuk ayat sempurna (الجملة المفيدة) seperti *المسرة* dalam ayat (6), *قَوْمٌ* dan *حِصْنٍ* dalam ayat (7).

Sekiranya sesuatu kata nama itu dibarisataskan (*fathah*) pula, ia difahami sebagai *mulabis al-fi'l* seperti perkataan *وراءه* dalam ayat (8) dan *الذِّكْرَ* dalam ayat (9). Baris bawah dikhususkan kepada keadaan *idafah* yang dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai *compound*, yakni penggabungan dua perkataan secara konstruktif bagi membentuk sejenis konstituen kata seperti *حِصْنٍ* dalam ayat (7) yang terdiri daripada dua kata nama, *فيه* dalam ayat (8) dan *إِلَيْهِمْ* dalam ayat (9) yang terbina daripada kata sendi dan kata nama. Bukan suatu hal yang ganjil untuk menggelarkan gabungan kata sendi (*حرف الجر*) dengan kata nama (*اسم*) sebagai *idafah* kerana sebelum pengkaji, ia

sudah lama diguna oleh aliran Kufah. Al-Suyuti (1992 jil. 4: 153) berkata: وتسميها الكوفيون حروف الإضافة لأنها تضيف الفعل إلى الاسم أي توصله إليه وتربطه به. Al-Radi juga berkata hal yang sama dalam bukunya شرح الكافية (jil. 2: 1134). Rumus ini merupakan hasil penelitian al-Zamakhshari (2004: 98) dan ia terbina atas pandangan yang menafikan kesan *daripada* penggabungan selain *idafah*, iaitu *taba'iyah* yang dicadangkan oleh al-Akhfash dan dinamakan oleh Ibn Hisham dalam شرح شذور الذهب sebagai *mujawarah*. (Lihat al-Suyuti 1992 jil. 4: 153, 304-306; Ibn Hisham 2004: 347). Akhir sekali, al-Yaziji (1984: 129-130) telah menazamkan rumus ini dan menulis sebagai panduan:

فَالرَّفْعُ فِي اسْمٍ لِلَّذِي قَدْ أُسْنِدًا	إِلَيْهِ وَالْمُسْنَدُ مِنْهُ اعْتِمَادًا
وَهُوَ إِذَا جَرَّدَ لَفْظًا يُعْتَبَرُ	بِالْمُبْتَدَأِ وَالْمُسْنَدُ التَّالِي خَبَرٌ
أَوْ لَا فَإِنْ كَانَ أَقَامَ فِعْلُهُ	فَقَاعِلٌ أَوْ لَا فَنَائِبٌ لَهُ
وَالنَّصْبُ لِلْمَلَأِسِ الفِعْلِ عَلَى	مَا دُونَ إِسْنَادِ إِلَيْهِ جُعِلَا
فَإِنْ يَكُنْ نَفْسَ الَّذِي تَعَلَّقَا	بِهِ فَمَفْعُولٌ يُسَمَّى مُطْلَقًا
أَوْ إِنْ يُصْبَهُ فَهُوَ مَفْعُولٌ بِهِ	أَوْ لَا فَمَعْنَاهُ إِنْ يَكُنْ مِنْ صَحْبِهِ
أَوْ لَا فَفِيهِ أَوْ لَهُ أَوْ دُونَهُ	إِنْ كَانَ ذَاكَ وَبِهِ يَدْعُونَهُ
أَوْ لَا فَمَا يُبَيِّنُ الصِّفَاتِ	حَالَ وَتَمَيِّزُ مُبِينُ الدَّاتِ
وَالخَفْضُ قَدْ خُصِّصَ بِالْمُضَافِ	إِلَيْهِ مُطْلَقًا بِأَلَا خِلَافِ

Selain itu, i'rab bahasa Arab tidak tampil dalam rupa baris-baris akhir (*diacritics*) pada perkataan semata-mata kerana masih ada beberapa jenis perkataan sama ada kata nama atau kerja yang asalnya tidak menerima baris-baris tersebut. Terdapat tiga kategori perkataan yang bermasalah dalam hal ini yang boleh disenaraikan seperti berikut:

- Sebilangan mu'rabat, iaitu: 1) جمع مذكر سالم (2), جمع مؤنث سالم (3), المثنى (4), ممنوع من الصرف (5), مضاف إلى ياء المتكلم (7) dan اسم منقوص (6), اسم مقصور (5)
- Mabniyyat, contohnya; 1) ضمائر (2), بعض أسماء إشارة (3), بعض أسماء موصولة (3), بعض (4-5), نون التوكيد atau فعل مضارع متصل بنون النسوة (6-7), شرط dan أسماء استفهام
- Perkataan istimewa, iaitu: 1) أسماء ستة (2), أفعال خمسة (3), ملحق بجمع المذكر السالم (3), ملحق (4), ملحق بجمع المذكر السالم (3), أفعال خمسة (2), أسماء ستة (1), ملحق (4), ملحق بجمع المذكر السالم (3), ملحق بالمثنى (5) dan بجمع المؤنث السالم

Perkataan-perkataan ini tidak memperlihatkan kesan i'rab secara terang-terangan kerana bentuk leksikalnya yang tidak menerima baris seperti yang boleh dilihat pada *الْفَيْ* dalam ayat (6), *أَدْرِي* dalam ayat (7) *عَسَى* dalam ayat (8) *أَسْرَى* dan *الْأَفْصَى* dalam ayat (10), atau hanya melazimi baris tertentu seperti *عَاشَ* dan *ذَهَبَ* dalam ayat (6), *الَّذِي* dan *تُ* dalam ayat (8), *سُبْحَانَ* dan *نَا* dalam ayat (10). Ada juga perkataan yang tidak menerima baris tetapi menggunakan huruf sebagai gantinya seperti yang terjadi kepada jenis (c) dan sebahagian (a). I'rab masih dianggap wujud bersama perkataan-perkataan ini, namun tidak secara zahir akan tetapi secara *i'tibar* (abstrak) (Rujuk Tammam Hassan 2009: 34-35).

## Bah. II


Penutur jati Arab ketika menggunakan perkataan-perkataan di atas, sudah sedia maklum akan kasus-kasus i'rab dan lidah mereka mengungkapkannya secara fasih tanpa perlu berfikir. Fenomena ini ditafsirkan oleh bangsa Arab sebagai *fasahah* dan *saliah* selain digelar i'rab. Sekiranya terjadi penyimpangan yang menyalahi konvensi, mereka akan segera menyedarinya. Hal ini kerana sebutan yang dianggap tidak gramatis tidak sedap didengari, sementelah lagi jika ia mengakibatkan perubahan makna atau kekeliruan konteks. Ini tidak mengambil kira apa yang dipersoalkan atau dituntut oleh linguist moden mengenai pandangan ini kerana yang pentingnya adalah tradisinya bertahan sangat lama di dunia Arab. Setelah *lahn* (fenomena kesalahan bahasa) tersebar akibat percampuran budaya dengan bangsa Ajam pada pertengahan abad ke-7 masihi, kajian tatabahasa Arab berdasarkan prinsip-prinsip yang digariskan oleh ulama nahw silam menjadi sangat rancak dan nama tokoh-tokohnya tersebar ke banyak tempat. Bukan sahaja dalam masyarakat awam, malah mereka berjaya meraih perhatian para pemerintah, didekatkan kedudukan mereka kepada singgahsana raja-raja, selain dijadikan pendidik putera mahkota. Tujuannya tidak lain untuk membantu melatih lidah para pemerintah yang akan berpidato di tengah-tengah bangsa Arab supaya tidak terjebak dalam kesalahan bahasa (*lahn*). Tidak asing bagi kita apa yang diucapkan oleh seorang khalifah Umawi bernama 'Abd al-Malik ibn Marwan: *شيبني كثرة ارتقاء المنابر مخافة* *اللحن* yang membuktikan keadaan ini (Ibn 'Asakir 1996 jil. 37: 138).

Di sini, wajar disimpulkan apakah bentuk *lahn* yang dianggap tidak gramatis dan perbezaannya dengan dialek Arab terpencil. Persoalan ini menuntut penjelasan secara ringkas tentang polemik yang terjadi mengenai *al-lughah al-fusha* (dialek gramatis) sebelum kita menerangkan hakikat dialek bahasa Arab. Dialek-dialek sesuatu bahasa atau dinamakan juga loghat, pada asalnya tiada yang istimewa berbanding yang lain kerana kajian linguistik yang empirikal menolak semua bentuk pandangan spekulatif dan intuitif. Pengetahuan praktis yang merangkumi kearifan sosial, budaya serta bangsa bagi sesuatu bahasa sering menjadi penghalang kajian yang objektif (Lyons 1981: 38). Keadaan ini turut berlaku kepada bahasa Arab yang mana kabilah Quraysh pernah dianggap memiliki loghat yang paling unggul (*أفصح اللغات*) kerana menempati lokasi strategik hingga dialek pertuturan mereka terpilih menjadi lingua franca perkembangan kesusasteraan Arab abad pertengahan (Ramadan 'Abd al-

Tawwab 1999: 78-80). Dialek ini akhirnya menjadi loghat paling gramatis dan diukur kegramatisan Arab selepasnya berdasarkan modus tatabahasa yang dimiliki.

Namun perlu ditegaskan, bukan hanya kabilah Quraysh yang mengembangkan dialek *fusha* kerana ia sebenarnya hasil pertembungan konstruktif pelbagai loghat kabilah sehingga terbentuk bahasa kesusasteraan (اللغة الأدبية). Dialek terpadu yang menjadi intipati sosial Arab inilah akhirnya digunakan oleh bangsa Quraysh dan bangsa-bangsa sekitar yang lain kemudiannya sebagai loghat pertuturan. Proses ini berterusan sehingga melahirkan pelbagai riwayat lisan termasuklah 10 qiraat yang disepakati (القرءات المتواترة). Perbezaannya adalah qiraat *mutawatir* diperkukuh sanad bacaan yang bersambung kepada Nabi Muhammad SAW daripada bangsa Quraysh dan tidak pada riwayat-riwayat lain, antaranya puisi. Keunggulan dialek Quraysh selepas proses yang memakan masa kira-kira 3 abad (sebelum-selepas hijrah) ini merupakan kemuncak bagi ciri-ciri i'rab yang dimiliki oleh bangsa Arab umumnya, sebelum tersebarnya *lahn*. Dekad-dekad akhir sekitar tahun 100 hingga 150 hijrah (bersamaan 719-767M) itulah isu kegramatisan menjadi sangat kritikal manakala dialek-dialek kecil yang berbeza dari segi sistemnya dianggap bahasa kelas kedua. Seseorang pemerintah terpaksa menanggung malu besar sekiranya mereka berucap di hadapan khalayak ramai dan menghasilkan *lahn*. Ada riwayat yang mengatakan bahawa Al-Hajjaj ibn Yusuf al-Thaqafi telah mengambil tindakan keras terhadap seorang ahli tatabahasa Arab bernama Yahya ibn Ya'mur apabila ia ditegur melakukan *lahn* semasa membaca al-Quran yang menyebabkan dirinya berasa malu (al-Zubaydi 1984: 28).

طرفا الجملة المنسوخان بـ(كان)



## Rajah 2: Gambaran kesalahan yang dilakukan oleh al-Hajjaj ibn Yusuf al-Thaqafi

**Keterangan:** Komponen utama ayat yang kedua (musnad); yakni *أَحَبُّ* yang sepatutnya berada dalam keadaan mansub seperti yang terdapat pada rajah, telah dimarfuf'kan dengan sebutan: *أَحَبُّ*, oleh al-Hajjaj. Justeru, kesalahan ini dikategorikan sebagai *جلي* yang mencemar maruah seorang pemimpin bagi masyarakat Arab era tersebut, lebih-lebih lagi semasa membacakan ayat al-Quran. Sehubungan itu, al-Hajjaj berkata: *ذلك أشنع!* Hal ini kerana seorang Arab yang *fasih* (gramatis) walaupun berhadapan selingan (اعتراض) yang panjang, dipercayai tetap tidak akan melupakan modus asal ayat. Namun, kesalahan tersebut dilakukan oleh al-Hajjaj yang menunjukkan *fasahah* (kegramatisan) beliau telah tercemar.



I'rab pada ketika itu menjadi ciri-ciri penting bahasa yang diungguli oleh bangsa Arab. Walaupun terjadi konfrantasi antara pendokong *shu'ubiyyah* (cauvinisme bangsa) antara orang Arab dengan Parsi sewaktu pemerintahan kerajaan 'Abbasiah yang meperlihatkan amalan mengubah/menterbalikkan tradisi kesusasteraan Arab sebagai simbolik penentangan, ciri-ciri i'rab tidak pernah digugat kerana sifatnya yang terlalu fundamental. Menyangkal undang-undang i'rab secara sengaja samalah ertinya dengan meruntuhkan legasi bahasa Arab yang turut sama dibangun oleh ulama Parsi umpama Sibawayh. Di balik bayangan ini, perkataan "dialek" bahasa Arab telah dipudarkan dengan istilah-istilah baharu, seperti *غريب* (langka), *تداخل* (campuran), *مفرد* (tunggal), *أعجمي* (pinjaman dari bahasa asing) yang lebih spesifik berdasarkan fitur bahasa itu sendiri, malah mungkin juga *متزوك*, *منكر*, *مردود* dan *مصنوع* yang menunjukkan perkataan itu tidak dikenali/diterima. Walaupun leksem-leksem seperti *رث*, *بداوة*, *منشبة*, *رجل*, *جرجاب*, *خنواء*, *فُشْلُب*, *عَيْقَة*, *وئيج*, *صُمَادِح* sebagai contohnya boleh dirangkumkan bawah tajuk dialek, tetapi telah diagih-agihkan berdasarkan tema tertentu yang membayangi status perkataan serta proses kutipan yang dilalui. Ini belum termasuk perbincangan *الردية المذموم من اللغات* seperti yang disebutkan oleh al-Suyuti dalam kitab *al-Muzhir* (1986 Jil. 1: 221-226). Justeru, kita menyedari bahawa tiada kata putus yang jelas tentang dialek. Masih banyak pertimbangan yang diperlukan sebelum ia boleh digolongkan dalam kategori i'rab mahupun *lahn*.

Ringkasnya, keperluan bahasa Arab kepada i'rab yang menjadi simbol kegramatisan boleh dilihat pada fitur bahasa Arab itu sendiri yang bersifat *bayani* (mementingkan ketinggian maksud) sejajar dengan firman Allah SWT ( *قُرْآنًا عَرَبِيًّا غَيْرَ* ) [al-Zumar: 28]. Lantaran pendekatan kualitatif ini, maka perlu diteliti kegramatisan bahasa Arab bawah kedua-dua kanta 'makna leksikal' dan 'makna gramatikal.' Perkara ini sudah disedari oleh para linguis moden seperti yang dijelaskan oleh Lyons (1981: 139-140): *It is now generally recognized that one cannot account for the one without accounting for the other. The meaning of a sentence depends upon the meaning of its constituent lexemes (including its phrasal lexemes if it contains any; and the meaning of some, if not all, lexemes depends upon the meaning of the sentences in which they occur.* Kasus ini sedikit sebanyak telah mengaitkan sintaksis dengan perbincangan mengenai 'makna ayat' yang terletak bawah ilmu lingustik semantik. Justeru, i'rab berfungsi untuk membezakan makna yang heterogen seperti makna penyata (*خبري*), makna imperatif (*إنشائي*), makna ekspresif (*تعبيري*), makna interogatif (*استفهامي*), makna mutlak, dan makna relatif, bahkan makna deskriptif (denotatif) dengan makna yang bersifat semiotik (konotatif) selain menyempurnakan nilai gramatis pada bahasa Arab di samping memberi isyarat modus susunan kata.

Bagi sesetengah bahasa seperti bahasa Melayu, perbezaan antara makna ini tidak boleh didapati dalam bentuk suara melainkan melalui kontur prosodinya yang sukar diterjemah ke dalam bentuk tulisan seperti bahasa Arab. Walaupun tanda baris (*diacritical marks*) pada tulisan Arab merupakan sistem yang baharu dicipta pada

pertengahan abad pertama hijrah (bersamaan abad ke 7M), tetapi ia berjaya menjamin ketepatan bacaan berasaskan i'rab agar tidak terjejas maksud sesuatu ayat. Baris-baris i'rab yang disebut sebagai تشكيل pada zaman Abu al-Aswad asalnya berupa titik-titik merah di akhir perkataan al-Quran sebelum dikembangkan menjadi baris bawah pimpinan al-Khalil ibn Ahmad.



**Rajah 3: Titik-titik i'rab berwarna merah pada cebisan ayat al-Quran yang berbunyi ... اللَّهُ قَدَرًا مَّقْدُورًا \* الَّذِينَ يُبَلِّغُونَ رِسَالَاتِ اللَّهِ وَيَخْشَوْنَهُ وَلَا يَخْشَوْنَ أَحَدًا إِلَّا اللَّهَ ( ... (وَكَفَى بِاللَّهِ ... [al-Ahzab: 38-39]**

Berpandukan baris-baris tersebut atau segala bentuk diakritik pengganti seperti yang sudah disebutkan, makna ayat ditetapkan secara eksplisit agar tidak berlaku kekeliruan konteks mahupun perubahan maksud seperti yang boleh dilihat pada model-model di bawah:

(11) أَرْمَانَ قَوْمِي وَالْجَمَاعَةَ كَالَّذِي :: لَرِمَ الرَّحَالَهَ أَنْ تَمِيلَ مَمِيلًا

(12) الْبَحْرُ هُنَاكَ وَمَوْجُ الْبَحْرِ :: وَسِحْرُ الشَّاطِئِ قَدْ أَغْرَاكَ

(13) وَيَا آدَمُ اسْكُنْ أَنْتَ وَزَوْجُكَ الْجَنَّةَ فَكُلَا مِنْ حَيْثُ شِئْتُمَا

Ketiga-tiga ayat yang mempunyai partikel *و* yang digunakan untuk menggabungkan dua objek (رَوْجُكَ - 'fa'il muqaddar', أَنْتَ, مَوْجُ-الْبَحْرِ, الْجَمَاعَةَ-قَوْمِي

ayat (11) وmembawa maksud kebersamaan (*simultaneousness*). Justeru, perkataan الجَمَاعَةُ diberi baris *fathah* sebagai tanda diakritik *maf'ul ma'ahu* sementara وpada ayat yang lain adalah semata-mata penggabungan (مطلق الجمع). Sehubungan itu, وَمَوْجُ الدِّيْرَابِ sebagai *mubtada'* bagi *khobar* yang terpendam (*mahdhuf*), bermaksud وَمَوْجُ الْبَحْرِ كَذَلِكَ. Begitu juga وَرَوَّجُكَ sebagai *ma'tuf* ke atas *fa'il muqaddar* kerana وpada kedua-dua ayat adalah عاطفة (*connective particles*). Maka, وَمَوْجُ dan وَرَوَّجُكَ merupakan توابع.

Ini merupakan kes pertama memperlihatkan i'rab (*fathah* dan *dammah*) memberi makna yang berbeza. Sekiranya dikehendaki, seseorang boleh menyebut الجَمَاعَةُ dengan *dammah* (الْجَمَاعَةُ) sebagai *ma'tuf* ke atas وَمَوْجُ dan و sebagai عاطفة seperti pada ayat (12) dan (13), tetapi perbuatan tersebut akan menghilangkan makna *ma'iyah* (*simultaneousness*) yang terdapat daripada gaya *maf'ul ma'ahu*, sedangkan penyair ingin menegaskan kebersamaannya dengan jamaah, yakni tidak derhaka mahupun menyalahi perbuatan mereka. Makna *tashbih* (*simile*) boleh saja diperoleh walaupun الجَمَاعَةُ disebutkan dengan *dammah*, tetapi bukan itu yang ingin ditegaskan oleh penyair.

Al-A'lam menegaskan, ketaatan penyair kepada kumpulannya yang tidak berbelah bahagi itulah yang ingin disampaikan oleh beliau. (al-Baghdadi 1997 Jil. 3: 146) Lantaran itu, jelas bahawa i'rab (yang bermaksud diakritik *fathah*) telah bertindak menentukan makna spesifik yang dikehendaki oleh penutur walaupun pada zahirnya kedua-dua bentuk (tanpa perbezaan i'rab) tidak memperlihatkan perbezaan. Untuk contoh yang lebih mudah, model variasi ini ada hubung kaitnya dengan perbezaan makna pada kedua-dua ayat:

(14) كيف أنت وزيداً

(15) كيف أنت وزيدٌ

Jelas di sini bahawa makna interogatif pada ayat (15) menjadikan keadaan mutlak, atau *state of condition* bagi kedua-dua perkataan; kata ganti nama أنت dan زيد sebagai subjek yang ditanya manakala ayat (14) pula bertanya mengenai hubungan relatif antara kedua-dua mereka.

Antara contoh lain bagi i'rab yang membezakan pelbagai makna gramatikal seperti berikut:

(16) كَمْ مُلُوكٍ بَادَ مُلْكُهُمْ :: وَنَعِيمٍ سَوْقَةٍ بَادُوا

(17) كَمْ عَمَّةٌ لَكَ يَا جَرِيرُ وَحَالَةٌ :: فَدَعَاءٌ قَدْ حَلَبْتُ عَلَيَّ عِشَارِي؟

وَكَمْ أَهْلَكْنَا مِنْ قَرْيَةٍ بَطَرَتْ مَعِيشَتَهَا (18)

Ketiga-tiga ayat tersebut mempunyai persamaan pada penggunaan *كم* iaitu kata tanya nombor (*interrogative noun of number*), tetapi baris perkataan selepasnya itu nyata berbeza di samping ayat (18) membawa bentuk yang unik. *كم* pada ayat (18) tidak dianggap sebagai pembuka kata (*opening word*) meskipun terletak di permulaan ayat. Kategori ayat (18) adalah *جملة فعلية* (*verbal sentence*). Sehubungan itu, *كم* padanya dii'rab sebagai *maf'ul bihi* yang *mansub* dari segi hukum nahw bagi kata kerja *أَهْلَكْنَا*, tetapi i'rab (diakritik) padanya tidak kelihatan kerana ia bersifat abstrak dalam kasus perkataan seperti *كم*. Begitu juga *كم* pada ayat (16) dan (17) yang turut menyimpan hukum nahw tersendiri (sebagai *mubtada'*) bagi *جملة اسمية* (*nominal sentence*). Namun, yang menjadi fokus kita adalah akusatif; *مُلُوكٍ*, *عَمَّةٌ*, dan *قَرْيَةٍ* yang terdapat dalam ayat (16) dan (17) termasuklah ayat (18) yang berbentuk unik.

Akusatif ini ada yang berbaris atas (*fathah*), bawah (*kasrah*), dan didahului kata sendi *من*. Ringkasnya, tiada perbezaan yang signifikan dari segi struktur gramatikal antara akusatif *مُلُوكٍ* dengan *قَرْيَةٍ* kerana kedua-duanya menjadi indikator *كم* yang digunakan tidak mewakili ertinya yang sebenar (interogatif), tetapi memberikan nilai ekspresif (takjub) yang timbul sebagai suatu gaya bahasa Arab yang unik. Satu pedoman gramatis yang penting yang wajar diketengahkan di sini ialah akusatif (*تمييز*)

*كم* yang membawa makna takjub yang boleh digunakan dalam bentuk tunggal (singular) contohnya *قَرْيَةٍ* atau jamak (plural) seperti *مُلُوكٍ*. Kedua-duanya dianggap tepat dari segi tatabahasa Arab (Ibn Hisham 1991: 208). Berbeza situasinya bagi *كم* yang diikuti *tamyiz* *عَمَّةٌ* kerana ia membawa makna interogatif iaitu soalan berkenaan bilangan (*استفهام العدد*). Walaupun kedua-dua akusatif *كم التعجبية* dan *كم الاستفهامية* adalah *tamyiz* dari segi maksud, namun yang menerima hukum nasab (baris atas) hanyalah *كم الاستفهامية*. Di sini kita mendapati sekali lagi bahawa i'rab mengisyaratkan secara eksplisit perbezaan kerana *tamyiz* *كم التعجبية* yang diwajibkan berbaris bawah dengan anggapan *من* secara zahir seperti pada ayat (18) mahupun terpendam (*مضمر*) seperti ayat (16). Benar dari segi maksud pengucapan ayat (18), ia mengandungi nilai ekspresif (penghinaan) al-Farazdaq terhadap Jarir, dua orang pujangga *النقائض* yang saling berbantahan, namun isu yang bersifat pragmatis ini sudah terkeluar dari bidang sintaksis. Walaupun sedikit sebanyak sintaksis turut menyentuh soal makna yang

menjadi permasalahan bidang semantik, akan tetapi perbezaan antara semantik dengan pragmatik merupakan suatu hal yang sangat jauh.

Masih banyak sebenarnya contoh-contoh lain yang menunjukkan i'rab mempunyai peranan signifikan dalam menentukan makna ayat agar tidak terjadi kekeliruan. Namun, disebabkan penulisan yang singkat ini tidak mampu menampung penerangan terperinci, maka pengkaji hanya menyenaraikan beberapa contoh lagi dengan keterangan ringkas melalui jadual berikut untuk dibandingkan sendiri oleh pembaca:

Bacaan i'rab	Bacaan berubah i'rab	Fungsi i'rab
مَتَى لُجَجِ حُضْرٍ هُنَّ نَبِيحٌ	مَتَى لُجَجِ حُضْرٍ هُنَّ نَبِيحٌ؟	Membezakan متى bermaksud من dalam sesetengah dialek dengan متى interogatif
أَيَّانَ نُؤْمِنُكَ تَأْمَنُ غَيْرَنَا	أَيَّانَ نُؤْمِنُكَ، تَأْمَنُ غَيْرَنَا؟	Mengikat kedua-dua ayat bagi membentuk جملة الشرط (conditional sentence)
أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولُهُ	أَنَّ اللَّهَ بَرِيءٌ مِنَ الْمُشْرِكِينَ وَرَسُولِهِ	Menerangkan struktur ayat yang kontroversi
إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ	إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ	Menerangkan struktur ayat yang kontroversi
وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ	وَإِذِ ابْتَلَىٰ إِبْرَاهِيمَ رَبُّهُ بِكَلِمَاتٍ	Menerangkan struktur ayat yang kontroversi
وَبَيضَةَ خَدْرٍ لَا يُرَامُ حَبَؤُهَا	وَبَيضَةُ خَدْرٍ لَا يُرَامُ حَبَؤُهَا	Membezakan makna ayat bersama رَبُّهُ yang terpendam dengan tidak
إِذَا مَا خَرَجْنَا مِنْ دِمَشْقَ فَلَا نَعُدُّهَا هَٰذَا أَبَدًا	إِذَا مَا خَرَجْنَا مِنْ دِمَشْقَ فَلَا نَعُودُ هَٰذَا أَبَدًا	Membezakan ayat imperatif dengan ayat penyata
وَالنَّجْمِ إِذَا هَوَىٰ	أُقْسِمُ بِالنَّجْمِ إِذَا هَوَىٰ	Meringkaskan struktur ayat
لَا تَأْكُلِ السَّمَكُ وَتَشْرَبِ اللَّبَنَ	لَا تَأْكُلِ السَّمَكُ وَتَشْرَبِ اللَّبَنَ	Membezakan ayat prohibitif relatif dengan prohibitif mutlak
وَلَا تَقْتُلُونَ أَوْلَادَكُمْ حَشِيَّةَ إِمْلَاقٍ	وَلَا تَقْتُلُونَ أَوْلَادَكُمْ حَشِيَّةَ إِمْلَاقٍ	Membezakan ayat prohibitif dengan ayat penyata
ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ	ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ	Membezakan ayat negatif relatif dengan negatif mutlak

Sumber: Pengkaji 2020

## Bah. III

Kajian ke atas korpus tradisional Arab menunjukkan bahawa i'rab tidak dapat membezakan secara eksplisit antara pelbagai jenis makna ayat dalam semua keadaan kerana terdapat beberapa struktur tatabahasa yang sememangnya terbina atas rumus yang mengelirukan. Situasi inilah yang dikenali dalam bidang linguistik sintaksis sebagai *structural ambiguity* (الغموض النحوي). Di awal artikel, pengkaji telah memberikan satu contoh autentik daripada mu'allaqah 'Amr ibn Kulthum yang jelas menandakan gaya bahasa Arab itu sebenarnya lebih kompleks daripada apa yang kita gambarkan. Terdapat dakwaan yang berkata bahawa fenomena i'rab amat sofistikated dalam menangani isu kekaburan bahasa yang seolah-olahnya ia rekaan generasi silam dan tidak boleh ditandingi oleh mana-mana bahasa di dunia. Kenyataan ini dipetik daripada kata-kata Ibrahim Anis (1966: 183) yang berbunyi: “أصول الإعراب ونظامه في صورة مفصلة كل التفصيل، دقيقة كل الدقة، ولا تعرف لغة من لغات البشرية مثل هذه الدقة والاطراد في ظاهرة من ظواهرها”. Hakikatnya, i'rab adalah salah satu sahaja daripada beberapa unsur lain yang berperanan menjelaskan makna ayat serta perkataan.

Hal ini umumnya disadari oleh para linguist Arab tradisional, tetapi karya-karya mereka seperti *al-Ma'ani al-Kabir* oleh Ibn Qutaybah (w. 899M), *Kitab al-Shi'r* oleh Abu 'Ali al-Farisi (w. 987M), dan *al-Ifsah* oleh al-Fariqi (w. 1094M) tidak menekankan perbincangan aspek i'rab semata-mata. Sehubungan itu, kefahaman popular skop peranan i'rab selalu dicampuradukkan dengan keluasan sempadan ilmu nahw itu sendiri. Ibrahim Anis yang cukup berjasa dalam bidang bahasa Arab juga tidak terkecuali daripada kekeliruan ini. Harus diulangi sekali lagi, peranan i'rab berdasarkan pandangan majoriti ahli nahw hanya meliputi abjad-abjad akhir perkataan sahaja. Justeru, apa yang tidak zahir padanya tanda i'rab (*diacritical marks*) seperti *ك* pada ketiga-tiga contoh (16), (17), dan (18) juga boleh dianggap sebagai suatu kekaburan. Begitu juga halnya dengan *ism maqsur* dan *manqus* pada ayat (6), (7), (8), dan (10). Namun, kajian ini tidak berniat menyentuh permasalahan *mabniyyat* atau perkataan seumpamanya kerana ingin memfokuskan aspek struktur dan bukan leksikal sebagaimana yang pernah diterangkan. Kajian ini juga tidak menafikan isu leksikal juga kadangkala boleh mempengaruhi permasalahan struktur pada sesetengah masalah seperti yang diungkapkan oleh Ibn Malik (2007: 18):

... .. وَأَجْرِ الْمَفْعُولِ إِنَّ لَبْسَ حَذِرٍ

Kelemahan fungsi i'rab antaranya boleh ditamsilkan berpandukan hasil bandingan antara sistem sintaktik yang telah dibentangkan sebelum ini (Bah. II) dengan dua ayat di bawah:

(19) فَأَجْمِعُوا أَمْرَكُمْ وَشُرَكَاءَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُنْ أَمْرُكُمْ عَلَيْكُمْ غُمَّةً

(20) إِذْ مَا اتَّفَقَى الْجَمْعَانِ جَاؤُوا رَحْمًا :: وَعِنْدَنَا كَذَا مُدَجَّجِينَ

Isu ayat (19) sama dengan isu pada model (11) sementara ayat (20) pula mirip dengan permasalahan ayat (16). Bezanya, i'rab pada kedua-dua ayat (11) dan (16) memberi faedah sintaktik dengan menentukan erti sebenar perkataan seperti yang dimaksudkan penutur. Namun, hal ini tidak berlaku pada model (19) dan (20). Secara zahirnya, konstituen kata *مَوْشِرْكَاءُكُمْ* pada ayat (19) boleh dii'rab sebagai dua bentuk; *ma'tuf* ke atas *مَوْشِرْكُمْ* atau *maf'ul ma'ahu*. Namun, Ibn Hisham dalam *شرح شذور الذهب* (2004: 263) telah menyangkal hukum tersebut kerana menurut beliau “لأنه حينئذ شريك له في معناه فيكون “التقدير أجمعوا أمركم وأجمعوا شركاءكم، وذلك لا يجوز لأن أجمع إنما يتعلق بالمعاني دون الذوات”. Sehubungan itu, orang Arab berkata: *أَجْمَعْتُ شُرَكَائِي* dan tidak *أَجْمَعْتُ رَأْيِي* kerana ia menyalahi kaedah penggabungan (*تضام*) dan kesesuaian (*مناسبة*). Namun dalam dua-dua keadaan, perkataan *شُرَكَاءُ* menuntut diakritik yang sama iaitu *fathah* (hukum *ma'tuf* ke atas *مَوْشِرْكُمْ* dan *maf'ul ma'ahu*). Justeru, ia dianggap termasuk kategori ini.

Bait dari *rajaz* (ayat 20) pula memperlihatkan penggunaan kata *كذا* yang turut memerlukan kolokasi akusatif (*tamyiz*) bagi melengkapkan maknanya seperti *كم الخبرية/التعجبية* dan *الاستفهامية* *كم* yang telah dibincangkan. Namun, *كذا* mempunyai hukum nahw yang sedikit berbeza. Jika *tamyiz كم* akan muncul dalam bentuk *mansub* sekiranya *كم* itu jenis interogatif dan *majrur* tatkala *كم* membawa makna ekspresif (takjub), *tamyiz كذا* pula hanya tampil dalam keadaan *mansub*. Walau bagaimanapun, kondisinya yang *mubham* (kabur maksud) telah menjadikan ayat yang terbina tidak tentu makna. Secara teori, *كذا* boleh digunakan sebagai kinayah kepada nombor sa (*ones*), puluh (*tens*), ratus (*hundreds*), dan seterusnya (Ibn Hisham 1963: 26-27). Aplikasi bilangan-bilangan ini tidak lain hanyalah untuk menggambarkan keadaan ‘banyak’ atau ‘sedikit’ dan kedua-dua keadaan itu boleh diungkapkan menerusi dua makna berbeza sama ada makna ekspresif (kagum dengan banyak) ataupun ayat penyata. Ini menyebabkannya memerlukan kefahaman konteks ayat untuk dimaknai. Sebaliknya, dalam kes *كم* yang mempunyai indikasi i'rab, *كذا* tidak begitu sehingga ayat (20) boleh difahami dalam kedua-dua makna; ekspresif kagum berdasarkan isyarat pertembungan bersenjata yang setara atau penyata bahawa kumpulan mereka tidak sebesar kumpulan musuh.

Ayat (20) memperlihatkan kelemahan i'rab yang terjadi akibat tiada variasi diakritik yang berubah-ubah khasnya pada penggunaan *كذا*. Masalah ini adalah masalah i'rab itu sendiri tanpa ada perkaitan dengan unsur-unsur lain. Keadaan ini besar kemungkinan tidak begitu banyak didapati dalam bahasa Arab, namun model (19) memberi contoh yang lebih kerap kerana terjadi secara kebetulan iaitu *ma'tuf 'alayhi*

berada dalam keadaan *mansub* yang menyamai hukum *maf'ul ma'ahu*. Lantaran itu, *ma'tuf* juga menjadi *mansub* kerana mengikut aturan sintaktik *توابع* yang juga dikenali dalam bahasa Inggeris sebagai *sequentia* atau *appositives* (W. Wright, 1875 jil. 2: 295). Keadaan ini sama seperti model ayat yang menggunakan perkataan *أي* berikut:

(21) ثُمَّ لَنَنْزِعَنَّ مِنْ كُلِّ شِيعَةٍ أَيُّهُمْ أَشَدُّ عَلَى الرَّحْمَنِ عِتِيًّا

(22) إِذَا مَا لَقَيْتَ بَنِي مَالِكٍ :: فَسَلِّمْ عَلَى أَيُّهُمْ أَفْضَلُ

(23) سَأَلْنَا أَيُّهُمْ عِنْدَكَ

Benar, terjadi perbezaan pandangan antara Abu al-Abbas Tha'lab dengan ramai ulama nahw tradisional tentang kata ganti nama *أي* iaitu apakah ia digunakan oleh bangsa Arab sebagai *ism mawsul* (*nomen conjunctivum*)? Hal ini kerana, Abu al-Abbas berpendapat bahawa *أي* tidak digunakan selain sebagai kata tanya atau kata syarat (*interrogative or conditional pronoun*) (al-Ashmuni 1955 Jil. 1: 76). Walau bagaimanapun, pandangan beliau ini agak bermasalah apabila bertemu ayat 69 surah Maryam iaitu ayat (21) di atas. Ini kerana, *يَنْزِعُ* termasuk kata kerja transitif (*متعدي*) yang mempunyai sekurang-kurangnya dua valensi (*متعلق*) yang terdiri daripada satu *fa'il* dan satu *maf'ul*. Namun, dalam konteks ayat (21), tiada perkataan yang sesuai digantung kepada *لَنَنْزِعَنَّ* melainkan konstituen *أَيُّهُمْ أَشَدُّ عَلَى الرَّحْمَنِ عِتِيًّا*.

Tambahan pula, Abu 'Amr al-Shaybani telah meriwayatkan gaya bahasa yang sama dipakai oleh seorang penyair Arab bernama Ghassan ibn Wa'lah iaitu sebuah bait yang *fasih* seperti tercatat pada ayat (22) (Ibn al-Anbari 2002: 577). Kata kerja transitif *سَلِّمْ* juga menuntut sekurang-kurangnya dua valensi iaitu *fa'il* dan *jarr-majrur*.

Hadirnya kata sendi *على* (*jarr*) di hadapan konstituen *أَيُّهُمْ أَفْضَلُ* membuktikan *أي* pada ayat itu digunakan sebagai *ism mawsul* dengan beberapa hukum khas. Sehubungan itu, majoriti telah menerima pandangan Sibawayh yang berkata:

(أيهم) ها هنا بتأويل الذي، وهو في موضع بوقوع النزع عليه، ولكنه بني على الضم لأنه وصل به الذي وإخوانه لأنه وصل باسم واحد، ولو وصل بجملة لأعرب، ف(أشد) خبر ابتداء مضمّر تقديره هو أشد، و(عتيا) منصوب على التمييز، ولو أظهر المبتدأ لنصب (أي) فقليل: لنزعن من كل شيعة أيهم هو أشد

(Abu Hayyan 1986: 134)

Pandangan Sibawayh telah digunakan dalam kebanyakan rujukan nahw tradisional sehingga kini.



Namun, contoh (21) dan (22) tidak begitu bermasalah walaupun pernah menjadi polemik. Bahkan *dammah* pada *أَي* telah membuktikan bahawa konstituen kata itu masih lagi satu komponen daripada ayat utama iaitu *لَنْ نَنْزِعَهُنَّ إِيَّاهُ إِذَا مَا لَقِيَتْ*. Apa yang menjadi masalah sebenarnya boleh dilihat pada ayat (23) yang boleh ditafsir dengan dua maksud. Memandangkan kedua-dua maksud itu menuntut baris i'rab yang sama walaupun berbeza dari segi istilah (*dammah* dan *raf*), fungsi i'rab tidak kelihatan jelas. Walaupun makna kedua-dua ayat adalah arahan (*imperative*) tetapi *maf'ul bihi* pada kedua-dua ayat tidak sama. Hal ini boleh difahami melalui dialog (1) di bawah.

- (1) A: *أُسْتَاذِي كِدْتُ أَنْتَهَيِي مِنَ الْوَاجِبِ، وَلَكِنَّ قَلَمِي ضَاعَ*  
 B: *أَمَعَكَ أَصْحَابُكَ فِي الْفَصْلِ؟*  
 A: *نَعَمْ، مَعِي أَصْحَابِي*  
 B: *سَلْ أَيُّهُمْ عِنْدَكَ؟*

Berdasarkan perbualan murid dengan gurunya mengenai pensel yang hilang, guru meminta murid itu bertanyakan kawan-kawannya siapa dalam kalangan mereka yang mempunyai pensel untuk dipinjamkan. Ujaran “*أَيُّهُمْ عِنْدَكَ*” dianggap *maf'ul bihi* yang bererti si guru mengemukakan contoh lafaz yang boleh digunakan oleh murid untuk bertanya. Oleh kerana bentuk pertuturan ini adalah interaksi tidak formal antara dua orang yang saling mengenali, kaedah *iltifat* (*enallage*) yang biasa muncul dalam ayat pertuturan harian juga boleh diperhatikan. Gambaran formal untuk ayat ujaran ini adalah “*سَلْ أَيُّهُمْ عِنْدَهُ الْقَلَمُ فَيُعِيرَكَهُ*”.

Lafaz ayat (23) membawa makna berbeza apabila diletakkan dalam situasi lain. Walaupun terdapat unsur i'rab pada ayat (23), fungsi i'rab tidak mampu menyelesaikan masalah kekaburan bahasa kerana struktur ayat itu sendiri yang menerima variasi dan bentuknya yang relatif umum.

- (2) A: *يَا مُحَمَّدُ، أَنْظُرْ وَاحِدًا مِنَ الطَّلَبَةِ يُجِيبُ هَذَا السُّؤَالَ*  
 B: *أَجَلْ يَا أُسْتَاذَ، وَلَكِنَّ أَيُّهُمْ أَسْأَلُ؟*  
 A: *سَلْ أَيُّهُمْ عِنْدَكَ*

Berdasarkan dialog di atas, keseluruhan konstituen “*أَيُّهُمْ عِنْدَكَ*” tidak lagi menjadi *maf'ul bihi* kerana ujaran itu bermaksud “tanyalah sesiapa saja yang berada di sekitar kamu.” Perkataan “*أَي*” yang merupakan *ism mawsul*, berdasarkan pandangan Sibawayh dan majoriti, dii'rab sebagai *maf'ul bihi* sementara *هم* adalah *mudaf ilayh*. Konstituen

“عِنْدَكَ” merupakan *silah* bagi *ism mawsul* yang digugurkan subjeknya. Dalam keadaan ini, ayat *سَأَلْنَا أَيْهَمُ عِنْدَكَ* sudah menunjukkan bentuk yang formal lagi jelas meskipun terdapat komponen yang digugurkan (iaitu subjek/*mubtada'* bagi *silah/relative clause*). Kegugurannya sekadar merupakan syarat kegramatisan sebagaimana yang biasa dipertuturkan oleh masyarakat Arab.

Kaedah ini konsisten dengan struktur *silah* pada ayat (17) dan (18) sebagaimana yang diterangkan oleh Ibn Malik dalam *Alfiyyah* (2007: 9):

(أَيُّ) كَرَمًا وَأَعْرَبَتْ مَا لَمْ تُضَفْ وَصَدْرُ وَصَلِّهَا ضَمِيرٌ ائْتَدَفْ

Oleh itu, terbuktilah bahawa i'rab tidak mampu membezakan makna-makna yang heterogen pada beberapa keadaan. Contoh yang lalu menunjukkan sesuatu ayat gramatis meskipun mengandungi unsur i'rab yang unik, tetapi mampu membawa makna yang longgar jika dipisahkan daripada konteks.

## KESIMPULAN KAJIAN

Menerusi perbincangan di atas, ternyata i'rab merupakan salah satu unsur yang benar-benar memberi pencerahan makna, tetapi bukanlah pada setiap ketika berdasarkan pandangan tradisional. Keadaan ini sesuai dengan realiti i'rab itu sendiri sebagai salah satu unsur yang wujud dalam bahasa Arab di samping *البنية (structure)* dan *السياق (context)*. Masih banyak sebenarnya model-model korpus yang boleh membuktikan kenyataan ini, tetapi mustahil bagi pengkaji untuk menyorot lebih banyak contoh dalam artikel yang sangat ringkas ini. Namun, apa yang dikemukakan dianggap sudah memadai untuk menolak dakwaan sinis orientalis dan sebilangan Arab yang keliru mengenai fenomena i'rab dalam pertuturan masyarakat Arab terdahulu. Kesimpulannya, i'rab berdasarkan kefahaman sebenarnya yang tidak merangkumi aturan perkataan dan keterikatan kolokasi antara unit bahasa sudah cukup signifikan untuk memainkan peranan besar dalam sistem sintaksis bahasa Arab. Sehubungan itu, paradigma yang menggandingkan perspektif sintaksis moden dengan kaedah-kaedah *nahw* tradisional ternyata tidak boleh diperkecil kepentingannya kerana terbukti berkesan.

Berdasarkan tiga kondisi korpus yang dicadangkan oleh pengkaji, i'rab bukanlah unsur utama dalam korpus bahasa Arab yang autentik tetapi kehadirannya dalam rumpun bahasa semitik khususnya Arab dalam bentuknya yang lengkap lagi sempurna pada tiga abad antara tahun 472 hingga 772M merupakan satu fenomena yang unik dan menarik untuk dikaji secara lebih terperinci. Kajian ini hanyalah satu permulaan kepada perspektif yang menghubungkan antara kekaburan struktur dengan fenomena i'rab dalam termannya yang ketat. Pengkaji tidak menafikan masih banyak contoh ayat yang sesuai untuk memerikan i'rab dalam citranya yang sebenar. Sehubungan itu, hasil kajian menuntut agar penelitian selanjutnya diteruskan di masa-masa mendatang dengan membawakan contoh-contoh yang baharu dan berwibawa, memperincikan jenis-jenis dan kategori secara lebih komprehensif selain turut



merumuskan penelitian dalam kenyataan yang tegas dan mantap. Akhir sekali, kajian ini ingin menegaskan sekali lagi bahawa fenomena i'rab bukanlah suatu yang direka-reka dan ia juga tidak wajar dilihat daripada pandangan yang terlalu luas sehingga boleh memudarkan fungsi dan peranan unsur-unsur bahasa yang lain yang turut signifikan untuk diteliti. Berdasarkan kedua-dua fakta ini, i'rab sebagai suatu subjek penelitian yang hidup dan wujud akan boleh diperikan dengan lebih adil dan saksama.

## RUJUKAN

- Abu Hayyan, Muhammad ibn Yusuf al-Gharnati al-Andalusi. 1986. *Tadhkirat al-Nuḥdh*. Tahqiq ‘Afif ‘Abd al-Rahman. Beirut: Mu’assasat al-Risalah.
- Al-Baghdadi, ‘Abd al-Qadir ibn ‘Umar. *Khizānat al-Adab wa Lubb Lubḍ Lisān al-‘Arab*. Tahqiq ‘Abd al-Salam Muhammad Harun. Kaherah: Maktabah al-Khanji.
- Al-Farabi, Abu Nasr Muhammad ibn Muhammad. 1990. *Kitāb al-Ḥuruf*. Tahqiq Muhsin Mahdi. Cet. 2. Beirut: Dar al-Mashriq.
- Al-Radi, Muhammad ibn al-Hasan al-Astarabadhi. 1996. *Sharḥ al-Raḍīli Kafiyyat Ibn al-Ḥajib*. Tahqiq Yahya Bashir Misri. Riyadh: Matba’at Jami’ah al-Imam Muhammad ibn Sa’ud al-Islamiyyah.
- Al-Sayrafi, Abu Sa’id al-Hasan ibn ‘Abd Allah. 1985. *Darurat al-Shi’r*. Tahqiq Ramadan ‘Abd al-Tawwab. Beirut: Dar al-Nahdah al-‘Arabiyyah.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman ibn Abi Bakr al-Suyuti. 2006. *Al-Iqtirāḥ fi Usul al-Naḥw*. Tahqiq ‘Abd al-Hakim ‘Atiyyah. Cet. 2. Dimashq: Dar al-Bayruti.
- Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman Abi Bakr al-Khudari al-Asyuti. 1992. *Ham’ al-Hawāni’ fi Sharḥ Jam’ al-Jawāni’*. Tahqiq ‘Abd al-Salam Muhammad Harun & ‘Abd al-‘Al Salim Makram. Beirut: Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Yaziji, al-Shaykh Nasif. 1984. *Majma’ al-Baḥrayn*. Beirut: Dar Bayrut.
- Al-Zamakhshari, Abu al-Qasim Mahmud ibn ‘Umar. 2003. *al-Mufassal fi ‘Ilm al-‘Arabiyyah*. Tahqiq Fakhr Salih Qadarah. Amman: Dar ‘Ammar.
- Al-Zubaydi, Abu Bakr Muhammad ibn al-Hasan. 1984. *Ṭabaqāt al-Naḥwiyyīn wa al-Lughawiyyīn*. Tahqiq Muhammad Abu al-Fadl Ibrahim. Cet. 2. Kaherah: Dar al-Ma’arif.
- ‘Abd al-Qadir Fittah. 2018. *Asalah al-Tanghim fi al-Quran al-Karim. Majallat Ḥawliyyat al-Turāth*, Mascara University jil. 18: 71-86.
- Hazim al-Qartajanni, Abu al-Hasan. 2008. *Minḥaj al-Bulaghā’ wa Siraj al-Udabā’*. Tahqiq Muhammad al-Habib Ibn al-Khujah. Cet. 3. Tunisia: al-Dar al-‘Arabiyyah li al-Kitab.
- Ibn al-Anbari, Abu al-Barakat ‘Abd al-Rahman ibn Abi al-Wafa’ Muhammad al-Anbari. 2002. *Al-Insāf fi Mas’al al-Khilāf*. Tahqiq Jawdah Mabruk. Kaherah: Maktabat al-Khanji.
- Ibn al-Anbari, Abu al-Barakat ‘Abd al-Rahman ibn Muhammad. 1985. *Nuzhat al-Alibbā’ fi Ṭabaqāt al-Udabā’*. Tahqiq Ibrahim al-Samirra’i. Cet. 3. Zarqa: Maktabat al-Manar.
- Ibn al-Anbari, Abu Bakr Muhammad ibn al-Qasim. T.th. *Sharḥ al-Qasā’id al-Sab’ al-Tiwāl al-Jahiliyyā*. Tahqiq ‘Abd al-Salam Harun. Cet. 5. Kaherah: Dar al-Ma’arif.

- Ibn al-Nahhas, Abu Ja'far Ahmad ibn Muhammad al-Nahhas. 1973. *Sharḥ al-Qaṣa'id al-Tis' al-Mashḥurā*. Tahqiq Ahmad Khattab. Baghdad: Matba'ah al-Hukumah.
- Ibn 'Asakir, al-Hafiz Abu al-Qasim 'Ali ibn al-Hasan ibn Hibat Allah. 1996. *Tārkh Madīnat Dimashq*. Tahqiq Muhibb al-Din Abu Sa'id 'Umar ibn Ghalamah al-'Amri. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hisham, Abu Muhammad 'Abd Allah Jamal al-Din ibn Yusuf al-Ansari. 2004. *Sharḥ Shudhūr al-Dhahab fi Ma'rifat Kalām al-'Arab*. Tahqiq Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid. Kaherah: Dar al-Tala'i'.
- Ibn Hisham, Abu Muhammad 'Abd Allah Jamal al-Din ibn Yusuf al-Ansari al-Misri. 1991. *Mughni' al-Labīb 'an Kutub al-'Arab*. Tahqiq Muhammad Muhyi al-Din 'Abd al-Hamid. Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Ibn Hisham, Abu Muhammad 'Abd Allah Jamal al-Din ibn Yusuf al-Ansari al-Misri. 1963. *Fawḥ al-Shadhā bi Mas'alat Kadhā*. Tahqiq Ahmad Matlub. Baghdad: t.pt.
- Ibn Jinni, Abu al-Fath Uthman ibn Jinni. 2006. *Al-Khasā'is*. Tahqiq Muhammad 'Ali al-Najjar. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- Ibn Jinni, Abu al-Fath Uthman ibn Jinni. 1954. *Al-Munsif li Kitāb al-Tasrif*. Alexandria: Idarat Ihya' al-Turath al-Qadim.
- Ibn Malik, Jamal al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad ibn 'Abd Allah ibn Malik al-Ta'i. 2007. *Alfiyyat Ibn Malik fi al-Nahw wa al-Tasrif*. Tahqiq Sulayman ibn 'Abd al-'Aziz al-'Uyuni. Riyadh: Maktabah Dar al-Minhaj.
- Ibn Mujahid, Abu Bakr Ahmad ibn Musa al-Tamimi al-Baghdadi. T.th. *Kitāb al-Sab'ah fi al-Qirā'at*. Tahqiq Shawqi Dayf. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- Ibrahim Anis. 1966. *Min Asrār al-Lughah*. Cet. 3. Kaherah: Maktabat al-Anjalu al-Misriyyah.
- Johann Fuck. 1980. *Al-'Arabiyyah Dirāsah fi al-Lughah wa al-Lahajā wa al-Asāb*. Terj. Ramadan 'Abd al-Tawwab. Kaherah: Maktabat al-Khanji.
- John Lyons. 1981. *Language and Linguistics: an Introduction*. London: Cambridge University Press.
- Nik Safiah Karim. 1985. *Strukturalisme dalam ilmu Linguistik*, dlm. Seminar Ijazah Tinggi Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya, 1986, Universiti Malaya, Jabatan Pengajian Melayu.
- Sami 'Iwad. 2010. *Zahirat al-I'rāb wa Mawqif 'Ulamā al-'Arabiyyah Qudāmā wa Muḥdathīn*. Majallah Jami'at Tishrin li al-Buhuth wa al-Dirasat al-'Ilmiyyah 32(2): 9-28.
- Sibawayh, Abu Bishr Amr ibn 'Uthman ibn Qanbar. 1988. *Kitāb Sibawayh*. Tahqiq 'Abd al-Salam Harun. Cet. 3. Kaherah: Maktabat al-Khanji.
- Tammam Hassan. 2009. *Al-Khulāsah al-Nahwiyyah*. Cet. 3. Kaherah: 'Alam al-Kutub.
- William Wright. 1875. *A Grammar of The Arabic Language*. Vol. II. London: Frederic Norgate.



Zakariyya Uzun. 2002. *Jinayat Sbawayh: al-Rafd al-Tamm li Ma fi al-Nahw min Awham*. Beirut: Riyad al-Rayyis li al-Kutub wa al-Nashr.